



Maklumat penting visa Perlindungan

Maklumat ini boleh didapati dalam bahasa lain. Lihat [Australia's protection obligations \(homeaffairs.gov.au\)](https://www.homeaffairs.gov.au/australias-protection-obligations)

Visa Perlindungan

Visa Perlindungan adalah untuk orang (atau ahli keluarga mereka) yang menghadapi risiko nyata ancaman ketara jika mereka pulang ke negara asal atau risiko sebenar penindasan yang berasaskan:

- bangsa
- agama
- kewarganegaraan
- keahlian kumpulan sosial tertentu atau
- pendapat politik

Apabila anda memohon visa Perlindungan, anda sedang mencari suaka di Australia daripada negara asal anda.

Visa Perlindungan bukan untuk orang yang hanya ingin tinggal lebih lama di Australia untuk bekerja.

Jika anda memohon visa Perlindungan, anda mengisytiharkan bahawa salah satu yang berikut atau keduanya sekali adalah benar:

- Anda tidak boleh pulang tanpa menghadapi suatu risiko nyata ancaman ketara atau risiko sebenar penindasan.
- Anda adalah ahli keluarga kepada seseorang yang telah membuat tuntutan tersebut.

Anda tidak akan diberi visa Perlindungan sekiranya anda boleh masuk secara sah dan tinggal dengan selamat di sesebuah negara lain (selain daripada negara asal anda), di mana anda tidak akan menghadapi risiko nyata ancaman ketara atau risiko sebenar penindasan, dan negara tersebut juga tidak akan mengusir anda ke negara lain di mana anda akan berdepan dengan risiko nyata ancaman ketara atau risiko sebenar penindasan. Anda hanya patut memohon visa Perlindungan sekiranya anda **benar-benar memerlukan suaka** Australia.

Terdapat visa lain yang mungkin lebih sesuai untuk keadaan anda. Ketahuilah visa lain di [Explore visa options \(homeaffairs.gov.au\)](https://www.homeaffairs.gov.au/explore-visa-options).

Apa akan berlaku jika permohonan visa Perlindungan anda ditolak?

Sekiranya permohonan visa Perlindungan anda ditolak, anda tidak boleh memohon kebanyakan visa lain dan anda perlu meninggalkan Australia jika anda tidak mempunyai visa yang sah. Tanpa visa yang sah, anda mungkin ditahan dan diusir dari Australia.

Jika anda ditahan dan diusir dari Australia, anda perlu membayar balik kos penghantaran pulang. Ini mungkin beribu-ribu dolar.

Setiap permohonan visa Perlindungan yang ditolak akan kekal dalam rekod imigresen anda seumur hidup. Ia mungkin menyulitkan anda dan keluarga anda untuk melawat Australia pada masa depan. Permohonan visa Perlindungan yang ditolak mungkin akan menjejaskan permohonan visa anda ke negara lain di luar Australia, bergantung pada jenis visa yang anda pohon.

Tanggungjawab anda apabila menuntut perlindungan

Terpulang kepada anda sendiri untuk menyediakan butir-butiran bagi menuntut perlindungan dan juga bukti-bukti sokongan, sebelum keputusan dibuat oleh Jabatan Hal Ehwal Dalam Negeri (Department of Home Affairs).

Anda mesti menerangkan mengapa anda memerlukan perlindungan di Australia dan memberi maklumat yang lengkap dan betul kepada Jabatan (Department) secepat mungkin.

Apabila anda mengemukakan permohonan visa Perlindungan, adalah tanggungjawab anda untuk memastikan semua maklumat yang anda bekalkan adalah benar dan betul, walaupun orang lain mengisi dan mengajukan permohonan bagi pihak anda.

Anda tidak seharusnya membenarkan sesiapa memohon visa Perlindungan untuk anda tanpa memahami apa yang anda pohon dan maklumat yang diberi dalam permohonan itu.

Anda bertanggungjawab untuk memastikan bahawa anda memohon visa yang betul dan mematuhi syarat-syarat visa anda walaupun anda menggunakan agen migrasi berdaftar Australia atau pengamal guaman Australia.

Agensi migrasi berdaftar disenaraikan di laman web Jabatan Hal Ehwal Dalam Negeri (Department of Home Affairs). Ikuti [steps to choose a migration agent \(mara.gov.au\)](https://www.mar.gov.au).

Denda atas tuntutan palsu

Apabila memohon visa Perlindungan, pemohon mesti melengkapkan perakuan.

Memberi maklumat yang palsu atau mengelirukan adalah satu kesalahan serius di Australia dan anda akan menghadapi hukuman jenayah.

Seseorang yang memberi maklumat yang palsu atau mengelirukan dalam permohonan visa Perlindungan menghadapi denda yang besar, penjara 10 tahun atau kedua-duanya sekali.

Sekiranya anda didapati memberi maklumat yang palsu atau mengelirukan setelah visa diluluskan, visa Perlindungan anda boleh dibatalkan.

Nasihat guaman percuma tersedia

Sebelum anda memohon visa Perlindungan, anda digalakkan mendapat [free legal advice](#) (nasihat guaman percuma) daripada pakar orang pelarian dan pengamal guaman imigresen di negeri atau wilayah anda.

Penyedia perkhidmatan ini boleh membantu anda:

- mengetahui sama ada anda layak mendapat visa Perlindungan atau visa lain yang lebih sesuai
- memahami proses permohonan
- memahami implikasi visa Perlindungan ditolak
- mengisi dan mengemukakan permohonan visa Perlindungan jika diperlukan.

Anda juga boleh mendapat bantuan mengenai undang-undang daripada bantuan guaman percuma atau pusat guaman komuniti yang sah di negeri atau wilayah anda.